

BERDAKWAH POLITIK MELALUI NILAI ISLAMIAH

OLEH PROF DR. DATIN SAPORA SIPON

DALAM kegilaan berpolitik, terdapat keadaan di mana agama disalahgunakan semata-mata sebagai jambatan untuk membina nama dalam kerjaya politik seseorang pemimpin. Fitnah berbaur politik turut menguasai sikap kegilaan berpolitik dan situasi ini ternyata menimbulkan suasana keresahan dalam kalangan masyarakat.

Fitnah dalam Islam merupakan satu sikap yang amat keji kerana kesannya boleh menyebabkan sesebuah masyarakat bergolak, hilang rasa kasih sayang dan akhirnya mencetuskan permusuhan.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Dan jangan kamu ikuti setiap orang yang banyak bersumpah lagi hina, yang banyak mencela, yang kian ke mari menghambur fitnah."* (al-Qalam: 10-11)

Kegilaan berpolitik, tanpa kematangan berfikir menyebabkan terdapat penceramah yang agak keras dan tajam mengkritik dasar-dasar sesuatu parti politik. Dalam konteks ini, Syamsul Bahri Andi Galigo (2006) dalam artikelnya, "Penelitian Terhadap Da'wah Islamiyah" menjelaskan bahawa bahan dakwah yang selalu mengkritik dasar sesuatu pemerintahan mempunyai kesan sampingannya seperti mewujudkan keresahan dalam kalangan masyarakat.

Peranan sebenar pendakwah, turut menimbulkan kekeliruan jika hanya isu-isu yang bertujuan untuk kepentingan diri atau organisasi yang dianggotainya diutarakan oleh pendakwah tersebut. Kaedah berdakwah melalui cara ini ternyata menunjukkan kelemahan diri pendakwah itu.

Dakwah seperti ini dikenali sebagai "Da'wah Islahiyah" dan sering membangkitkan persoalan yang kadangkala membawa kepada jalan kekerasan. Syamsul Bahri Andi Galigo (2006) menyatakan dalam menangani kegilaan berpolitik, kaedah berdakwah yang berhemah perlu dilakukan dalam memberi kefahaman Islam yang jelas mengenai isu politik dan kenegaraan.

Peranan sebenar pendakwah, turut menimbulkan kekeliruan jika hanya isu-isu yang bertujuan untuk kepentingan diri atau organisasi yang dianggotainya diutarakan oleh pendakwah tersebut. Kaedah berdakwah melalui cara ini ternyata menunjukkan kelemahan diri pendakwah itu.

Dalam politik, pendakwah perlu komited untuk menjaga dan memelihara perpaduan dan persaudaraan ummah. Ini kerana elemen ini harus menjadi keutamaan (*awlawayyah*), kerana nilai *rahmah*, *mahabbah* dan *ukhuwwah Islamiyah* adalah perkara utama dalam Islam.

Nilai-nilai utama seperti persaudaraan (*al- ikha*), keadilan (*al-'adalah*) dan persamaan (*al-musawat*) adalah nilai-nilai asas Islam yang perlu dikukuhkan dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat.

Dalam perbezaan pandangan politik, berdakwah perlu berpegang kepada satu prinsip asas, iaitu menjaga perpaduan dan persaudaraan. Pendekatan terkini yang bersesuaian dengan nilai-nilai utama dalam Islam dan seiring dengan kehidupan manusia perlu wujud dalam diri pendakwah.

Pengertian Dakwah

Syamsul Bahri Andi Galigo (2006) menjelaskan pengertian dakwah dan tarbiah sebagai satu kegiatan sosialisasi Islam memiliki pelbagai pengertian. Di antara pengertian-pengertian tersebut ialah:

- Mendorong manusia agar melakukan kemakrufan dan mengikut petunjuk (*hidayah*), menyuruh berbuat kebaikan dan meninggalkan kemungkarannya agar memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat.
- Mengadakan seruan kepada semua manusia untuk kembali dan hidup sepanjang ajaran Allah SWT yang benar, dilakukan dengan penuh hikmah dan nasihat yang baik.
- Mengubah ummah daripada satu situasi kepada situasi yang lebih baik dalam segala segi kehidupan dengan tujuan merealisasikan ajaran Islam dalam kenyataan hidup sehari-hari, baik bagi kehidupan peribadi, kehidupan keluarga mahupun masyarakat sebagai keseluruhan hidup bersama.
- Menyampaikan panggilan Allah SWT dan Rasulullah SAW kepada apa yang menghidupkan umat manusia sesuai dengan martabat, fungsi, dan tujuan hidupnya.

Dakwah merupakan suatu proses yang berterusan yang dilakukan oleh para pendakwah untuk mengubah sasaran dakwah supaya bersedia masuk ke jalan Allah. Dalam politik, dakwah perlu dilakukan melalui perancangan yang sistematik dan matang sama ada daripada segi kandungan, tenaga pelaksana ataupun dari sudut metodologinya.

PROF DR. DATIN SAPORA SIPON ialah Profesor dalam disiplin kaunseling, Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Artikel ini telah diterbitkan dalam *Majalah Dakwah* isu keempat tahun 2010